

MUQADDIMAH

Maahad Darul Anuar adalah sebuah institusi pendidikan persendirian warisan To' Guru yang mengambil tanggungjawab di bidang pendidikan. Amanah ini digalas demi meneruskan budaya murni generasi terdahulu yang menterjemahkan keindahan hidup mereka melalui dakwah, jihad dan penyebaran ilmu-ilmu pengetahuan.



Pihak pengurusan MADA melalui visinya “ Kecemerlangan Akademik, Keunggulan Akhlak, Kecapaian Martabat “ mempunyai komitmen yang tinggi untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berilmu, beramal dan beriman.

Info Khas (Pemegang Amanah)

Generasi 1 : To' Ku Nik Mat Alim

Generasi 2 : To' Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat

Generasi 3 : Al Fadhil Ustaz Nik Omar Nik Ab Aziz

- Maahad Darul Anuar diasaskan oleh To' Ku Nik Mat Alim pada 1963.
- Pernah berada di bawah seliaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) bermula seawal 80-an.
- Pada tahun 1999 satu resolusi keluarga To' Guru (Nikmatullah) memutuskan untuk mengurus kembali Maahad Darul Anuar berasaskan rasa tanggungjawab meneruskan usaha

Pengenalan Sekolah

Written by Administrator

Monday, 23 July 2012 10:17 - Last Updated Monday, 23 July 2012 10:28

murni To' Ku Nik Mat Alim.

- Pada tahun 2008, dalam satu majlis syura keluarga yang dipengerusikan oleh To' Guru telah membuat ketetapan:

i. Bersetuju untuk mengurus sendiri Maahad Darul Anuar

ii. Menyerahkan mandat pengurusan Maahad darul Anuar kepada anak lelaki sulungnya

Al Fadhil Ustaz Nik Omar Bin Nik Ab Aziz